



GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI WANITA DALAM SUKAN (AIWS)

Disediakan oleh:
Pusat Knowledge Management
Bahagian Penyelidikan & Inovasi
Institut Sukan Negara

GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI WANITA DALAM SUKAN (AIWS)

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk membantu dalam mengemukakan pencalonan bagi menyertai Anugerah Inovasi Wanita Dalam Sukan (AIWS). Garis panduan ini mengandungi syarat- syarat kelayakan, kriteria penilaian, tatacara permohonan, serta proses penilaian dan pemilihan penerima AIWS.

2. ANUGERAH INOVASI WANITA DALAM SUKAN

2.1 PENGENALAN

Penglibatan wanita dalam sukan merentasi pelbagai disiplin ilmu dan kemahiran dengan sokongan semua pihak yang mahukan perubahan ke arah kesaksamaan gender. Institut Sukan Negara memperkenalkan Anugerah Inovasi Wanita Dalam Sukan (AIWS) bertujuan memberi pengiktirafan kepada individu atau kumpulan individu yang mencetuskan serta melaksanakan inovasi dalam usaha memajukan sukan khususnya dalam kalangan wanita di Malaysia. AIWS merupakan platform yang mengetengahkan dan mengangkat hasil inovasi berkaitan wanita dalam sukan.

2.2 DEFINISI INOVASI

Inovasi ialah cetusan idea kreatif dan inovatif yang mampu meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam penyampaian perkhidmatan atau penggunaan sesuatu produk. Idea-idea ini boleh diperolehi dari sumber dalaman dan luaran atau melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D), sama ada sebagai idea baru atau adaptasi untuk memenuhi keperluan. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada.

2.3 OBJEKTIF

Objektif AIWS adalah untuk:

- i. Memberi pengiktirafan kepada mereka yang giat melakukan inovasi untuk wanita dalam sukan sebagai satu bentuk galakan kepada masyarakat, serta untuk mengembangkan minat dan potensi yang berteraskan inovasi.;
- ii. Mengumpul maklumat mengenai hasil inovasi atau produk; dan
- iii. Memupuk, membudaya dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam sukan khususnya dalam kalangan / berkaitan wanita.

2.4 KATEGORI ANUGERAH

Anugerah Inovasi Wanita Dalam Sukan 2024 dibahagikan kepada empat (4) kategori seperti berikut : -

- i. **Kategori Saintis:** Anugerah ini diberikan kepada saintis wanita yang aktif mempamerkan kemahiran dan sumbangan inovasi dalam bidang sains sukan atau perubatan sukan atau teknologi sukan. Hasil inovasi / produk telah memberi impak kepada pembangunan dan kecemerlangan sukan seperti kecergasan, prestasi sukan, amalan terbaik dan sebagainya.
- ii. **Kategori Jurulatih:** Anugerah ini diberikan kepada jurulatih wanita yang aktif dan menghasilkan inovasi dalam melatih atlet atau pasukan. Penerima menunjukkan pencapaian kemahiran, mendapat pengiktirafan, komited dalam membimbing dan memberi inspirasi kepada atlet atau pasukan ke peringkat tinggi.
- iii. **Kategori Industri:** Anugerah ini mengiktiraf individu atau kumpulan atau organisasi yang memainkan peranan penting dalam memajukan sukan wanita melalui inovasi produk atau perkhidmatan. Penerima anugerah ini menunjukkan komitmen dalam memperkasa wanita dalam sukan, menyokong pembangunan atlet dan pasukan wanita, serta menerapkan strategi yang memperluaskan penglibatan wanita dalam sektor ini.
- iv. **Kategori *Champion of Change (Male)*:** Kesaksamaan jantina memerlukan sokongan dan penyertaan aktif termasuk daripada lelaki yang memperjuangkan perubahan. Anugerah ini meraikan lelaki yang menunjukkan komitmen untuk memajukan kesaksamaan jantina, sama ada sokongan terhadap dasar, amalan dan aktif memberi bimbingan kepada wanita dalam sukan.

2.5 HADIAH ANUGERAH INOVASI WANITA DALAM SUKAN

Pemenang-pemenang AIWS akan menerima hadiah berupa wang tunai dan/atau trofi serta sijil penghargaan*.

**Jumlah pemenang dan bentuk hadiah adalah tertakluk kepada perubahan*

2.6 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:

- i. Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia dan/atau syarikat tempatan.
- ii. Penyertaan perlu mendapat sokongan daripada majikan atau mana-mana pihak yang relevan dengan bidang yang dimohon.
- iii. Setiap peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walaubagaimanapun, hanya penyertaan yang terbaik sahaja yang akan dipilih sebagai pemenang.

2.7 KRITERIA PENILAIAN

Kriteria yang digunakan dalam proses penilaian dan pemilihan AIWS adalah seperti berikut:

- i. Latar belakang skil dan kepakaran.
- ii. Hasil inovasi / produk adalah baru atau perkara pertama dicipta melalui adaptasi (*creative adaptation*).
- iii. Faedah / Impak terhadap kepada pembangunan dan kecemerlangan sukan.
- iv. Tahap pelaksanaan/ penggunaan hasil inovasi / produk.

3. TATACARA PERMOHONAN

Pemohon yang hendak menyertai AIWS hendaklah menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

- i. Melengkapkan borang permohonan dengan dengan sokongan Majikan atau mana-mana pihak yang relevan dengan bidang yang dimohon –
Lampiran B
- ii. Menyediakan laporan inovasi yang mengandungi perkara-perkara berikut:
 - a) Maklumat mengenai individu, agensi atau syarikat yang memperkenalkan inovasi;
 - b) Penerangan mengenai inovasi yang dilakukan, objektif, tempoh pelaksanaan dan lokasinya;
 - c) Penerangan ringkas mengenai tahap pelaksanaan projek dan lampirkan bukti;
 - d) Masalah-masalah yang dihadapi sebelum inovasi dilaksanakan;
 - e) Impak/faedah-faedah pelaksanaan inovasi; dan
 - f) Dokumen-dokumen sokongan termasuk gambar, video, buku dan lain-lain berkaitan yang boleh membantu permohonan.

- iii. Mengemukakan borang permohonan bersama-sama laporan inovasi kepada urus setia seperti di bawah sebelum tarikh tutup yang ditetapkan, sama ada melalui pos atau e-mel ke alamat fathynah@isn.gov.my / dygadlina@isn.gov.my .

Urus Setia AIWS
Pusat Knowledge Management
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi
Institut Sukan Negara Malaysia
Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur
(u.p.: Pn. Syarifah Fathynah Binti S. Shikh)

PROSES PENILAIAN DAN PEMILIHAN PENERIMA AITS

i. Peringkat Pertama : Tapisan oleh Pihak Urus Setia

Semua permohonan yang diterima akan dibuat tapisan di peringkat urus setia untuk memastikan permohonan memenuhi syarat penyertaan yang telah ditetapkan.

ii. Peringkat Kedua : Penilaian Inovasi Berasaskan Laporan

Semua projek inovasi yang memenuhi syarat penyertaan akan dinilai oleh panel penilai dalaman dari Jawatankuasa Kecil AIWS.

iii. Peringkat ketiga : Keputusan Muktamad Penerima Anugerah Inovasi oleh Panel Penilai AIWS

Senarai finalis AIWS yang telah dipilih oleh panel penilai dalaman akan dibentangkan atau diedarkan kepada Panel Penilai AIWS untuk keputusan muktamad.

**BORANG PERMOHONAN
ANUGERAH INOVASI WANITA DALAM SUKAN (AIWS)**

1. **Maklumat Individu /Agensi/Syarikat:**

2. **Alamat:**

No. Telefon:

No. Faks :

3. **Kategori Penyertaan (✓):**

- AIWS – Saintis**
- AIWS – Jurulatih**
- AIWS – Industri**
- AIWS – Champion of Change (Male)**

4. **Pasaran Hasil Inovasi Wanita Sukan (Antarabangsa/Domestik/Tidak berkaitan)***

**Potong yang mana tidak berkenaan*

5. **Nama Pegawai Bertanggungjawab Untuk Dihubungi:**

Nama :

Jawatan :

No. Telefon:

No. Faks:

Emel:

6. **Pengesahan Majikan atau mana-mana pihak yang relevan dengan bidang yang dimohon:**

Nama:

Tandatangan & Cop Jabatan/Syarikat

Jawatan:

Tarikh:

TATACARA PERMOHONAN AIWS 2024

A. Pemohon perlulah menyertakan perkara-perkara berikut ketika membuat permohonan :

1. **Borang permohonan (Lampiran B)**

2. **Laporan Inovasi :**

a) Merangkumi :

- i) Perkara 3(ii) a-f di dalam Garis Panduan
- ii) Perkara 2.7 di dalam Garis Panduan (yang berkaitan)

- b) Menggunakan Kertas/Saiz A4
- c) Tidak melebihi 50 muka surat
- d) Menggunakan 1.5 *line spacing*
- e) Jenis *font* - Arial
- f) Saiz *font* - 12

B. Semua maklumat yang lengkap bolehlah dialamatkan ke :

Urus Setia Jawatankuasa Kecil AIWS
Pusat Knowledge Management
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi
Institut Sukan Negara Malaysia
Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur
(u.p.:Pn. Syarifah Fathynah Binti S. Shikh)

atau e-mel : fathynah@isn.gov.my / dygadlina@isn.gov.my